

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI SARVANAN A/L
MURUGAN [TAPAH]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menjelaskan adakah:

- (a) peningkatan gaji minimum ini adalah selaras dengan situasi ekonomi semasa negara dan bersetuju bahawa sebarang peningkatan gaji yang drastik bakal menimbulkan masalah lain kepada industri lain kepada industri yang juga boleh menggugat daya saing negara.
- (b) penyediaan peluang pekerjaan kini telah mencapai sasaran kerajaan Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peningkatan kadar kenaikan gaji minimum adalah selaras dengan situasi ekonomi semasa negara. Ini kerana Kerajaan membuat keputusan setelah mengambil kira rasional-rasional seperti berikut:

- (i) Kerajaan ingin menyeragamkan kadar gaji minimum seluruh negara terlebih dahulu seperti yang dijanjikan dalam 10 janji Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan dan susulan daripada itu barulah Kerajaan akan menaikkan gaji minimum secara berperingkat sehingga mencapai RM1,500 dalam tempoh satu penggal pemerintahan;
- (ii) Bagi mengurangkan peningkatan kos operasi kepada majikan terutama Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Peningkatan kadar gaji minimum yang mendadak akan meningkatkan kos operasi majikan terutama dari aspek caruman KWSP, PERKESO serta pembayaran kerja lebih masa, kerja pada cuti umum dan hari rehat. Malah, boleh menjejaskan pertumbuhan peluang pekerjaan baharu;
- (iii) Penetapan gaji minimum adalah gaji lantai dan tafsiran gaji minimum adalah gaji pokok. Pekerja/ kesatuan sekerja dan majikan dibenarkan berunding bagi menetapkan faedah-faedah lain yang dirasakan lebih baik daripada kadar gaji minimum;
- (iv) Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang lebih tinggi di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan disebabkan kos sara hidup yang lebih tinggi berbanding Semenanjung Malaysia;

SOALAN NO : 28

- (v) Untuk merapatkan jurang sosio-ekonomi yang bertujuan bagi memastikan keseimbangan ekonomi dapat dilaksanakan selain menstrukturkan semula ekonomi terutama di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan;
 - (vi) Kadar munasabah dan tidak membebankan 98.5% majikan yang terdiri daripada sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) daripada keseluruhan ekonomi negara. Selain itu, perlu diambil kira ekonomi negara berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu hanya 4.5% pada suku kedua tahun 2018 berbanding 5.4% pada suku pertama tahun 2018; dan
 - (vii) Melindungi daya saing negara yang mana kenaikan kadar gaji minimum yang terlalu tinggi dikhuatiri akan memberi kesan kepada kemasukan pelabur asing. Kerajaan juga perlu memastikan pelabur sedia ada terus kekal melabur di Malaysia. Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM2.8 bilion pada suku kedua, 2018 berbanding RM12.0 bilion pada suku pertama, 2018.
2. Sekiranya kadar gaji minimum ditetapkan terlalu tinggi secara mendadak dikhuatiri akan menyebabkan keadaan seperti berikut:
- (i) majikan-majikan akan menghadapi kesukaran untuk survival dalam perniagaan akibat menampung pertambahan kos operasi perniagaan yang meningkat secara mendadak;
 - (ii) penutupan operasi oleh majikan kerana tidak mampu untuk meneruskan kelangsungan akibat menanggung kos operasi yang tinggi;
 - (iii) kehilangan pekerjaan yang bakal menimbulkan masalah pengangguran dan masalah sosial yang lain; dan

SOALAN NO : 28

- (iv) akan membantutkan perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang baharu dalam struktur ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Berkenaan dengan isu penyediaan peluang pekerjaan seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan, berdasarkan statistik guna tenaga oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), jumlah peluang pekerjaan bagi tahun 2018 adalah sebanyak 300,000. Jumlah ini menunjukkan Kerajaan mampu menghasilkan 1 juta peluang pekerjaan dalam masa 5 tahun seperti yang disasarkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dengan anggaran 200,000 peluang pekerjaan setahun.

4. Kesimpulannya dalam membuat sebarang keputusan dasar perburuhan, Kerajaan sentiasa melihat semua aspek secara teliti agar dasar yang diputuskan kelak benar-benar memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.